

UTHM popularkan semula sukan paintball

BATU PAHAT – Bagi mempopularkan kembali sukan lasak *paintball*, pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), menganjurkan Kejohanan Paintball 1 Malaysia di universiti berkenaan, baru-baru ini.

Selain mensasarkan penyertaan daripada mahasiswa UTHM sendiri, kejohanan terbabit juga menerima beberapa penyertaan kelab sukan *paintball* di daerah ini serta beberapa Institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Pengarah kejohanan itu, Azli Pudin berkata, kejohanan bertujuan mempopularkan semula sukan *paintball* dalam kalangan mahasiswa UTHM dan beliau di kawasan Batu Pahat.

Menurutnya, kejohanan ini juga mampu melahirkan beliau yang bukan hanya



Mohamad Aziz (duduk, tengah) bergambar bersama dua pasukan yang berentap pada pertandingan akhir kejohanan berkenaan.

mempunyai ilmu pengetahuan tinggi dalam bidang akademik tetapi aktif bersukan.

"Diharap kejohanan ini mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja me-

mentingkan soal pendidikan, malah mengutamakan kesihatan dengan bersukan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Hadir sama, Ahli Parlimen

Sri Gading, Datuk Mohamad Aziz dan Timbalan Naib Canselor UTHM, Prof Ir Dr Amir Hashim Mohd Kassim.

Sementara itu, Mohamad

Aziz berkata, beliau menggalakkan golongan muda untuk bergiat aktif dalam kegiatan sukan agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan cara sihat.

Menurutnya, tidak semestinya apabila bergelar mahasiswa, mereka perlu melupakan kegiatan luar seperti sukan dan hanya menumpu pada pelajaran semata-mata.

"Saya percaya setiap mahasiswa termasuklah di UTHM mampu mencipta nama masing-masing dalam kegiatan luar seperti sukan dan lain-lain.

"Namun ia perlu di seimbangkan antara pendidikan, sukan dan kegiatan luar, barulah lahir generasi yang lebih sihat," katanya.

Pada kejohanan itu, pasukan Superior Republic dari Politeknik Merlimau muncul juara, naib juara disandang Riot Republic juga dari Politeknik Merlimau, manakala tempat ketiga milik pasukan Kipas Rosuck dari UTHM.